

27 JAN 2004

PM LANCAR BUKU `WIRA TAK DIDENDANG'

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melancarkan buku `Wira Tak Didendang', yang berkisarkan peristiwa-peristiwa penting dan liku-liku perjalanan Pasukan Polis Cawangan Khas dalam usaha mencari perdamaian dengan Parti Komunis Malaya (PKM).

Buku setebal 191 mukasurat karya Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin itu ditulis untuk menyedarkan generasi muda bahawa kedamaian dan kemakmuran yang dicapai hari ini tidak diperolehi secara mudah.

Menurut buku cenderamata majlis, buku itu ditulis berdasarkan pengalaman Zainuddin, yang lebih mesra dengan panggilan Zam sebagai wartawan yang turut terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam peristiwa-peristiwa itu.

Kekuatan buku itu khususnya terletak pada Bab 21 yang mengisahkan peranan anggota keselamatan khasnya Pasukan Polis Cawangan Khas dalam usaha mencari jalan perdamaian secara terhormat dan bermaruah dengan PKM.

Buku yang dijual pada harga RM20 senaskah itu mula berada di pasaran mulai hari ini.

Turut hadir ialah bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaacob.

-- BERNAMA

JUR IZI SHI PR